

08 AUG 1998

PERWAKILAN MIC BERIKRAR SOKONGAN PENUH KEPADA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 8 Ogos (Bernama) -- Perwakilan ke perhimpunan agung ke-52 MIC hari ini meluluskan enam ketetapan termasuk menyatakan sokongan dan kerjasama penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara.

"Kami dengan ini berikrar memberikan sokongan dan kerjasama penuh kepada Dr Mahathir dalam usahanya di peringkat antarabangsa dan domestik untuk memulihkan ekonomi dan membangunkan semula negara serta keyakinan kami kepada kepimpinan beliau ke arah mencapai kemajuan dan kemakmuran berterusan," kata mereka.

Semasa membentangkan usul-usul berkenaan, Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam berkata hampir dua dekad Dr Mahathir telah menerajui negara dengan gaya kepimpinan yang menyerlah, bertenaga dan memupuk impian Malaysia.

Perhimpunan itu juga menyuarakan sokongan kepada pelaksanaan rancangan pemulihan ekonomi negara seperti yang terkandung dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan berikrar untuk memainkan peranan penting untuk memulihkan ekonomi negara.

Ketetapan itu juga menggesa masyarakat keturunan India supaya menabung sekurang-kurangnya RM25 sebulan dengan Koperasi Didik Berhad bagi tujuan pendidikan anak-anak mereka dan mahu diwujudkan kesedaran di kalangan akar umbi mengenai faedah menyertai koperasi.

Mengenai pekerja estet, perhimpunan itu menggesa Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah bagi memastikan pekerja sektor ladang dibayar upah yang setimpal serta menikmati faedah lain selari dengan keuntungan besar yang diperolehi oleh syarikat.

--BERNAMA

MT/RV oba